



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

---

CETAKAN SEMULA

---

**Akta 227**

**AKTA PENCEN 1980**

*Mengandungi segala pindaan hingga 31 Disember 2006*

DITERBITKAN OLEH  
PESURUHJAYA PENYEMAK DAN PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG, MALAYSIA  
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968

2010

**AKTA PENCEN 1980**

Tarikh Perkenan Diraja	...	...	...	11 Februari 1980
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	...	...	...	28 Februari 1980

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 227

### AKTA PENCEN 1980

#### SUSUNAN SEKSYEN

##### Seksyen

1. Tajuk ringkas, mula berkuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran
3. Pencen, dsb., bukan suatu hak yang mutlak
4. Pencen, dsb., hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan
5. Peraturan-peraturan
6. Penghitungan pencen, dsb.
- 6A. Pelaksanaan opsyen
7. Pemberian taraf berpencen
8. Pegawai disifatkan menjadi pegawai berpencen
9. Pemberian pencen, dsb.
10. Persaraan paksa
11. Persaraan dengan kehendak Kerajaan
12. Persaraan pilihan
- 12A. Persaraan setelah dilantik untuk berkhidmat dalam pertubuhan
- 12B. Sumbangan bulanan kepada Kumpulan Wang Disatukan
13. Persaraan demi kepentingan awam
14. Pencen atau ganjaran terbitan jika seseorang pegawai mati dalam perkhidmatan
15. Pencen terbitan jika seseorang pegawai mati selepas bersara
16. Terhentinya pencen terbitan
- 16A. Terhentinya pencen bagi anak yang telah mencapai umur lapan belas tahun disifatkan sah

## Seksyen

17. Pencen hilang upaya
18. Pencen tanggungan
19. Pencen, dsb., tidak boleh diserahkan hak
20. Pencen, dsb., terhenti apabila bankrap
21. Pencen, dsb., terhenti apabila disabitkan
- 21A. Pencen, dsb., akan terhenti apabila memperoleh kewarganegaraan negara lain
22. Pencen maksimum
- 22A. Pencen serendah-rendahnya bagi perkhidmatan penuh
23. Penggantungan pencen
24. Pemberian elaun bersara kepada pegawai sementara
25. Pemberian elaun bersara terbitan kepada pegawai sementara
- 25A. Hal keadaan dalam mana orang hendaklah hilang kelayakan dari dibayar pencen atau elaun persaraan terbitan jika bukan bermastautin atau tidak lagi bermastautin di Malaysia
26. Pembayaran tanpa probet atau surat kuasa mentadbir
- 26A. Pembayaran hadiah untuk maklumat
27. Pindaan bagi Jadual
28. Pemansuhan dan kecualian

## JADUAL

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 227****AKTA PENCEN 1980**

Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai pentadbiran pencen, ganjaran dan faedah lain bagi pegawai dalam perkhidmatan awam dan juga tanggungan mereka.

[1 Januari 1976]

**MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas, mula berkuat kuasa dan pemakaian**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pencen 1980 dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 1976.

- (2) Akta ini hendaklah terpakai di seluruh Malaysia bagi—
- (a) pegawai dalam perkhidmatan awam yang telah memilih atau disifatkan telah memilih mana-mana Skim Baru;
  - (b) pegawai dalam perkhidmatan awam yang telah atau adalah dilantik di bawah mana-mana Skim Baru;
  - (c) pegawai dalam perkhidmatan awam yang oleh kerana pilihan mereka adalah terikat dengan mana-mana Skim Baru; atau
  - (d) pegawai sementara dalam perkhidmatan awam yang dilantik sebelum 1 Januari 1976 dan yang tidak diberi pilihan untuk memilih Skim Baru yang mula berkuat kuasa dari tarikh itu.

**Tafsiran**

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“anak” ertinya anak seorang pegawai yang mati—

(a) iaitu anak yang di bawah umur dua puluh satu tahun dan termasuk—

- (i) anak yang lahir selepas kematian pegawai itu, anak tiri tanggungan dan anak tidak sah taraf pegawai itu; dan
- (ii) anak yang diambil sebagai anak angkat oleh pegawai itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubungan dengan pengangkatan atau di bawah mana-mana adat atau kelaziman, dengan bukti yang memuaskan mengenai pengangkatan itu;

dan

(b) iaitu seorang anak yang tidak kira apa jua umurnya dan yang cacat otak atau hilang upaya dari segi jasmani dan secara kekal dan yang tidak berupaya untuk menanggung dirinya sendiri dengan syarat anak itu adalah cacat otak atau hilang upaya dari segi jasmani dan secara kekal sebelum anak itu mencapai umur dua puluh satu tahun;

“bermastautin di Malaysia” ertinya lazim bermastautin di Malaysia dengan terbuktinya orang yang berkenaan itu mempunyai tempat tinggalnya yang tunggal atau utama di Malaysia dan yang bermastautin di dalamnya selama suatu tempoh atau tempoh masa yang tidak berlawanan dengan keberterusannya kemastautinan di Malaysia dan yang menunjukkan hubungan yang erat antara dia dan Malaysia;

“gaji yang akhir diterima” ertinya gaji hakiki bulanan yang akhir diterima atau dalam hal persaraan di bawah seksyen 12A gaji hakiki bulanan sebenarnya yang akhir diterima yang dibayar kepadanya oleh pertubuhan itu semasa dia tertakluk kepada terma dan syarat perkhidmatan yang sama seperti yang terdapat dalam Skim Baru, dan termasuklah apa-apa elaun berpencen;

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;

“pegawai” ertinya seseorang pegawai yang bekerja sepenuh masa dalam perkhidmatan awam;

“pegawai berpencen” ertinya seseorang pegawai yang telah diberikan taraf sebagai seorang pegawai berpencen di bawah seksyen 7 atau yang disifatkan sebagai seorang pegawai berpencen di bawah seksyen 8;

“pegawai negeri” ertinya seseorang pegawai dalam perkhidmatan Kerajaan sesuatu Negeri;

“pegawai persekutuan” ertinya seseorang pegawai dalam perkhidmatan Kerajaan Persekutuan;

“pegawai persekutuan tempatan” ertinya seseorang pegawai yang direkrut untuk berkhidmat, atau ditukarkan ke perkhidmatan, di bawah Kerajaan Persekutuan di Sabah atau Sarawak dan tidak ditukarkan secara tetap ke perkhidmatan di luar Sabah atau Sarawak;

“peraturan-peraturan” ertinya mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen 5;

“perkhidmatan awam” ertinya—

- (a) Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan;
- (b) Perkhidmatan Awam Am bagi Kerajaan Persekutuan;
- (c) Pasukan Polis;
- (d) Perkhidmatan Kereta api;
- (e) Perkhidmatan Pelajaran;
- (f) Perkhidmatan Awam Bersama yang am bagi Kerajaan Persekutuan dan bagi satu atau beberapa Negeri;
- (g) Perkhidmatan Awam bagi tiap-tiap satu Negeri;
- (h) Perkhidmatan Parlimen; atau
- (i) mana-mana perkhidmatan lain yang diputuskan oleh Yang di-Pertuan Agong sebagai perkhidmatan awam bagi maksud Akta ini;

“perkhidmatan awam lain” ertinya perkhidmatan di bawah sesuatu Kerajaan yang dinyatakan dalam Jadual bagi pegawai yang ditukarkan ke perkhidmatan awam;

“perkhidmatan yang boleh dimasuk kira” ertinya perkhidmatan yang ditetapkan sebagai perkhidmatan yang boleh dimasuk kira di bawah peraturan-peraturan itu;

“Pihak Berkuasa Berkanun atau Tempatan” ertinya suatu Pihak Berkuasa Berkanun atau suatu Pihak Berkuasa Tempatan yang ditubuhkan oleh mana-mana undang-undang bertulis; dan

“Skim Baru” ertinya gaji dan had serta syarat perkhidmatan yang telah dipinda bagi pegawai dalam perkhidmatan awam berbangkit dari penyemakan gaji dan had serta syarat perkhidmatan bagi pegawai itu yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan mulai dari 1 Januari 1976, atau dari apa-apa penyemakan lain kemudiannya yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan dari semasa ke semasa.

### **Pencen, dsb., bukan suatu hak yang mutlak**

3. (1) Tiada seorang pun pegawai boleh mempunyai hak mutlak untuk mendapat pampasan bagi perkhidmatan yang lepas atau untuk mendapat apa-apa pencen, ganjaran atau faedah lain di bawah Akta ini.

(2) Jika Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa seseorang pegawai telah bersalah atas kecuaiian, salah aturan atau salah laku, maka Yang di-Pertuan Agong boleh mengurangkan atau menahan pencen, ganjaran atau faedah lain yang pegawai itu sepatutnya layak mendapat jika tidak kerana peruntukan seksyen ini.

### **Pencen, dsb., hendaklah dipertanggungkan kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan**

4. (1) Pencen, ganjaran atau faedah lain yang diberikan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya hendaklah dipertanggungkan kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

(2) Bagi maksud Akta ini, pencen, ganjaran atau faedah lain tidak termasuk apa-apa award wang tunai yang diberi sebagai ganti cuti rehat yang terkumpul kepada seseorang pegawai yang gajinya tidak dibayar dari Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.



**Peraturan-peraturan**

**5.** (1) Yang di-Pertuan Agong boleh membuat peraturan-peraturan bagi maksud Akta ini.

(2) Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain, peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh diberi kuat kuasa kebelakangan kepada suatu tarikh yang lebih awal daripada mula berkuat kuasanya Akta ini supaya dapat memberi faedah kepada mana-mana orang atau menghapuskan sesuatu kelemahan yang terkait pada mana-mana orang.

**Penghitungan pencen, dsb.**

**6.** (1) Apa-apa pencen, ganjaran atau faedah lain yang diberikan di bawah Akta ini hendaklah dihitung mengikut peraturan-peraturan itu; dengan syarat bahawa, bagi persaraan di bawah perenggan 10(5)(a) atau di bawah seksyen 12A, amaun pencen yang diberikan tidak boleh kurang daripada satu perlima dari gaji akhir yang diterima oleh pegawai itu.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), seseorang pegawai yang bersara sebelum disahkan dalam jawatannya yang kedua atau yang berikutnya, gaji yang akhir diterima ialah gaji yang akhir diterima bagi jawatannya yang terdahulu dalam mana dia telah disahkan jika sekiranya dia terus memegang jawatannya yang terdahulu itu sehingga persaraannya.

**Pelaksanaan opsyen**

**6A.** (1) Seseorang pegawai yang dilantik pada atau selepas mula berkuat kuasanya seksyen ini hendaklah, sebelum disahkan dalam jawatannya, berhak untuk memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

(2) Opsyen di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat kepada pihak berkuasa melantik yang berkenaan mengikut sesuatu cara yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah.

(3) Pelaksanaan opsyen oleh seseorang pegawai di bawah seksyen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada masa dia disahkan dalam jawatannya dan hendaklah pada ketika itu menjadi muktamad.

(4) Apabila seseorang pegawai memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, peruntukan Akta ini, kecuali seksyen ini, tidak terpakai bagi pegawai sedemikian.

(5) Seseorang pegawai yang memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja hendaklah bersara daripada perkhidmatan awam apabila mencapai umur lima puluh enam tahun.

(5A) Subseksyen (5) tidak terpakai bagi seseorang pegawai yang telah dilantik sebelum 1 Oktober 2001 dan telah diberikan opsiyen sebelum tarikh itu dan tidak memilih umur persaraan paksa lima puluh enam tahun.

(6) Yang di-Pertuan Agong, berkenaan dengan pegawai persekutuan atau pegawai persekutuan tempatan, atau Pihak Berkuasa Negeri, berkenaan dengan pegawai negeri, boleh menghendaki seseorang pegawai yang memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja supaya bersara daripada perkhidmatan awam dalam mana-mana hal keadaan yang disebut dalam perenggan 10(5)(a), (b), (c), (d), (e) dan (f).

(7) Dalam seksyen ini “Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja” merujuk kepada suatu kumpulan wang simpanan yang ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [Akta 452], termasuklah sesuatu kumpulan wang diluluskan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta itu.

### **Pemberian taraf berpencen**

7. Seseorang pegawai tetap boleh diberikan taraf sebagai seorang pegawai berpencen jika dia telah—

- (a) disahkan dalam jawatannya yang sekarang; dan
- (b) genap tempoh selama tidak kurang daripada tiga tahun perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira.

### **Pegawai disifatkan menjadi pegawai berpencen**

8. Tanpa menyentuh seksyen 7, pegawai yang berikut hendaklah disifatkan menjadi pegawai berpencen:

- (a) seseorang pegawai yang telah dimasukkan atau layak untuk dimasukkan dalam perjawatan berpencen di bawah

Ordinan Pencen 1951 [*Ord. 1 tahun 1951*] sebelum dari 1 Julai 1977, Ordinan Pencen Sabah 1963 [*Ord. 3 tahun 1963*] atau Ordinan Pencen Sarawak [*Bab. 89*] sebelum dari 1 Julai 1978, mengikut mana-mana yang berkenaan;

- (b) seseorang pegawai tetap dan telah disahkan yang mati dalam perkhidmatan, bersara atas sebab perubatan atau di bawah seksyen 12A sebelum genap sepuluh tahun perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira; atau
- (c) seseorang pekerja berpencen di bawah Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 [*Akta 239*] atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang ditukar tetap secara lantikan ke perkhidmatan awam.

### **Pemberian pencen, dsb.**

**9.** (1) Yang di-Pertuan Agong boleh memberikan pencen, ganjaran atau faedah lain kepada seseorang pegawai berpencen apabila—

- (a) dipaksa bersara di bawah seksyen 10; atau
- (b) memilih bersara di bawah seksyen 12 setelah genap tempoh selama tidak kurang daripada sepuluh tahun perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira; atau
- (c) bersara di bawah seksyen 11.
- (d) (*Dipotong oleh Akta A625*).

(2) Yang di-Pertuan Agong boleh memberikan pencen, ganjaran atau faedah lain kepada seseorang pegawai berpencen jika persaraan itu adalah di bawah seksyen 12A.

### **Persaraan paksa**

**10.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), (3) dan (4), seseorang pegawai hendaklah bersara dari perkhidmatan awam apabila dia mencapai umur lima puluh enam tahun.

(2) Jika seseorang pegawai mencapai umur lima puluh enam tahun, dan suatu prosiding jenayah atau tata tertib yang mungkin berkeputusan dengan dia disabitkan atau dibuang kerja belum

lagi selesai, maka perkhidmatannya hendaklah disifatkan sebagai telah dilanjutkan melampaui umur itu tetapi dikira cuti tanpa gaji sehingga kesnya diputuskan.

(3) Jika prosiding jenayah atau tata tertib di bawah subseksyen (2) itu tidak berkeputusan dengan dia disabitkan atau dibuang kerja, maka dia hendaklah bersara apabila mencapai umur lima puluh enam, dan tempoh perkhidmatan selepas umur ini bukanlah perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira.

(4) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi—

- (a) Setiausaha kepada Dewan Rakyat atau Setiausaha kepada Dewan Negara; dan
- (b) pegawai yang telah bersara selepas mula berkuat kuasanya Akta ini tetapi sebelum ia disiarkan.
- (c) *(Dipotong oleh Akta A1124).*

(5) Yang di-Pertuan Agong, berkenaan dengan pegawai persekutuan atau pegawai persekutuan tempatan, atau Pihak Berkuasa Negeri, berkenaan dengan pegawai negeri, boleh menghendaki mana-mana pegawai supaya bersara daripada perkhidmatan awam—

- (a) jika Ketua Pengarah atau Setiausaha Kerajaan Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, adalah berpuas hati atas keterangan doktor bahawa pegawai itu tidak berupaya menjalankan kewajipan jawatannya, disebabkan oleh kelemahan akal atau tubuh yang mungkin menjadi kekal;
- (b) apabila jawatan yang dipegangnya dihapuskan;
- (c) bagi maksud supaya organisasi jabatan di mana pegawai itu bekerja mudah diperbaiki dan dengan itu menghasilkan lebih lagi kecekapan atau ekonomi;
- (d) atas alasan bahawa pekerjaan pegawai itu telah ditamatkan demi kepentingan awam;
- (e) atas alasan bahawa pegawai itu telah dengan sukarelanya (selain perkahwinan) memperoleh kewarganegaraan, atau menggunakan hak kewarganegaraan, atau telah membuat

pengisytiharan kesetiaan kepada, mana-mana negara lain selain Malaysia atau atas alasan bahawa pegawai itu telah dilucutkan kewarganegaraan Malaysiannya; atau

(f) atas alasan bahawa pegawai itu telah, bagi maksud pelantikannya ke perkhidmatan awam—

(i) membuat apa-apa pernyataan atau memberi apa-apa maklumat, sama ada secara lisan atau secara bertulis, sama ada bersumpah atau selainnya; atau

(ii) membekalkan apa-apa dokumen,

yang adalah palsu, silap, tidak tepat, tidak lengkap, atau mengelirukan atau mungkin mengelirukan, dan pelantikannya ke perkhidmatan awam telah dibuat sebahagiannya atau keseluruhannya dengan bersandarkan atas pernyataan, maklumat atau dokumen itu:

Dengan syarat bahawa persaraan itu di bawah perenggan ini tidak boleh dilaksanakan melainkan pegawai itu telah diberikan peluang yang munasabah untuk membuat representasi ke atasnya kepada Yang di-Pertuan Agong atau Pihak Berkuasa Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(6) Perenggan (5)(f) hendaklah terpakai hanya bagi pegawai yang dilantik ke perkhidmatan awam selepas mula berkuat kuasanya subseksyen ini.

(7) Umur persaraan paksa lima puluh enam tahun yang diperuntukkan dalam subseksyen (1) hendaklah terpakai bagi seseorang pegawai yang dilantik pada atau selepas 1 Oktober 2001.

(8) Umur persaraan paksa lima puluh enam tahun yang diperuntukkan dalam subseksyen (1) tidak terpakai bagi seseorang pegawai yang telah dilantik sebelum 1 Oktober 2001 dan telah diberikan opsyen sebelum tarikh itu dan tidak memilih umur persaraan paksa lima puluh enam tahun.

(9) Opsyen bagi umur persaraan paksa lima puluh enam tahun yang dilaksanakan oleh seseorang pegawai yang disebut dalam subseksyen (8) tidak boleh dibatalkan.

**Persaraan dengan kehendak Kerajaan**

**11.** Walau apa pun seksyen 10 dan 12, dengan persetujuan pegawai itu—

- (a) Yang di-Pertuan Agong boleh menghendaki seseorang pegawai persekutuan supaya bersara pada mana-mana peringkat umur—
  - (i) atas alasan kepentingan negara; atau
  - (ii) demi kepentingan perkhidmatan awam; dan
- (b) Pihak Berkuasa Negeri boleh menghendaki seseorang pegawai Negeri supaya bersara pada mana-mana peringkat umur—
  - (i) dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, atas alasan kepentingan negara; atau
  - (ii) demi kepentingan perkhidmatan awam.

**Persaraan pilihan**

**12.** (1) Yang di-Pertuan Agong, berkenaan dengan pegawai selain pegawai negeri, atau Pihak Berkuasa Negeri, berkenaan dengan pegawai negeri, boleh, atas permohonan pegawai itu, memberi persetujuan tentang persaraan seseorang pegawai apabila atau selepas mencapai umur empat puluh tahun.

(2) Jika seseorang pegawai yang dilantik sebelum mula berkuat kuasanya seksyen ini bersara di bawah subseksyen (1), pegawai sedemikian boleh diberikan pencen hanya apabila mencapai umur—

- (a) empat puluh lima tahun bagi—
  - (i) seseorang pegawai perempuan;
  - (ii) seseorang pegawai perkhidmatan bomba yang berpangkat pegawai rendah dan ke bawah;
  - (iii) seseorang pegawai polis yang berpangkat rendah daripada Penolong Penguasa Polis;
  - (iv) seseorang pegawai penjara yang berpangkat rendah daripada Penguasa; dan

- (v) seseorang jururawat lelaki di hospital mental; atau
- (b) lima puluh tahun bagi seseorang pegawai lelaki, selain pegawai yang disebut dalam subperenggan (a)(ii) hingga (v).

(3) Jika seseorang pegawai yang dilantik selepas mula berkuat kuasanya seksyen ini bersara di bawah subseksyen (1), pegawai sedemikian boleh diberikan pencen hanya apabila mencapai umur lima puluh enam tahun.

(3A) Seseorang pegawai yang bersara di bawah subseksyen (1) boleh diberi ketika persaraannya ganjaran, award wang tunai yang diberikan sebagai ganti cuti rehat yang terkumpul atau faedah lain.

(3B) Jika seseorang pegawai yang disebut dalam subseksyen (3) yang telah dilantik sebelum 1 Oktober 2001 dan telah diberikan opsyen sebelum tarikh itu tidak memilih umur persaraan paksa lima puluh enam tahun, subseksyen (3) hendaklah terpakai baginya dengan menggantikan perkataan 'lima puluh enam' dengan perkataan 'lima puluh lima'.

(4) Jika seseorang pegawai yang telah bersara di bawah subseksyen (1) mati sebelum mencapai umur empat puluh lima tahun atau lima puluh tahun atau lima puluh lima tahun atau lima puluh enam tahun, mengikut mana-mana yang berkenaan, Yang di-Pertuan Agong boleh dengan serta-merta memberikan kepada orang yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan itu pencen terbitan tidak kurang daripada satu perlima dari gaji yang akhir diterima oleh pegawai yang mati itu dan ganjaran terbitan atau ganjaran terbitan sahaja.

(5) Tertakluk kepada seksyen 16, pencen terbitan yang diberikan dalam hal keadaan subseksyen (4) hendaklah kena dibayar selama tempoh tidak melebihi dua belas setengah tahun dari tarikh sebaik sahaja berikutan tarikh kematian pegawai itu; dan selepas itu penerima itu, dengan syarat dia adalah pemastautin di Malaysia, hendaklah terus menerima tujuh puluh peratus dari amaun yang diberikan itu.

### **Persaraan setelah dilantik untuk berkhidmat dalam pertubuhan**

**12A.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), (3) dan (4) jika seseorang pegawai berpencen yang berumur kurang daripada empat puluh lima tahun bagi pegawai perempuan atau berumur kurang

daripada lima puluh tahun bagi pegawai lelaki dilantik oleh atau dengan kelulusan Kerajaan untuk berkhidmat dalam mana-mana pertubuhan, walau bagaimanapun cara ianya ditubuhkan dan sama ada atau tidak Kerajaan atau mana-mana Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa kepentingan di dalamnya, sama ada secara langsung atau sebaliknya, atau dalam mana-mana pertubuhan antarabangsa yang mana Kerajaan menjadi anggota, dia boleh disifatkan telah bersara daripada perkhidmatan awam pada tarikh dia meninggalkan perkhidmatan awam dan pegawai tersebut, jika sekiranya dia mati sebelum mencapai umur empat puluh lima tahun atau lima puluh tahun, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah, bagi maksud seksyen 14, disifatkan telah mati dalam perkhidmatan jika pada masa kematiannya dia berada dalam perkhidmatan pertubuhan itu atau mana-mana subsidiarinya atau pertubuhan antarabangsa tersebut, atau, jika ketika itu dia tidak berada dalam perkhidmatan tersebut, dia telah berada dalam perkhidmatan tersebut untuk suatu tempoh berterusan yang tidak kurang dari lima tahun dari tarikh dia meninggalkan perkhidmatan awam.

(2) Jika seseorang pegawai berpencen yang berumur kurang daripada empat puluh lima tahun bagi pegawai perempuan atau kurang daripada lima puluh tahun bagi pegawai lelaki dilantik oleh atau dengan kelulusan Kerajaan untuk berkhidmat dalam mana-mana pertubuhan atas terma dan syarat perkhidmatan yang sama seperti yang terdapat dalam Skim Baru dia boleh diberikan pencen, ganjaran atau faedah lain apabila mencapai umur lima puluh enam tahun jika dia telah berkhidmat dalam pertubuhan itu atau mana-mana subsidiarinya untuk suatu tempoh berterusan yang tidak kurang dari lima tahun dari tarikh dia meninggalkan perkhidmatan awam, dan dalam hal sedemikian, apa-apa tempoh perkhidmatan sedemikian dengan pertubuhan itu atau mana-mana subsidiarinya di bawah terma dan syarat perkhidmatan yang sama seperti yang terdapat dalam Skim Baru boleh dimasukkan kira bagi maksud memberi pencen, ganjaran atau faedah lain itu kepada pegawai itu.

(2A) Jika seseorang pegawai yang disebut dalam subseksyen (2) yang telah dilantik sebelum 1 Oktober 2001 dan telah diberikan opsyen sebelum tarikh itu tidak memilih umur persaraan paksa lima puluh enam tahun, subseksyen (2) hendaklah terpakai baginya dengan menggantikan perkataan 'lima puluh enam' dengan perkataan 'lima puluh lima'.



(3) Bagi seseorang pegawai berpencen yang subseksyen (2) tidak terpakai baginya, dia boleh diberikan pencen, ganjaran atau faedah lain apabila mencapai umur empat puluh lima tahun bagi pegawai perempuan atau lima puluh tahun bagi pegawai lelaki, jika dia telah berkhidmat dalam pertubuhan atau mana-mana subsidiarinya atau pertubuhan antarabangsa ke dalam mana dia telah dilantik oleh atau dengan kelulusan Kerajaan selama tempoh berterusan tidak kurang daripada lima tahun dari tarikh dia meninggalkan perkhidmatan awam atau sehingga dia berumur empat puluh lima tahun atau lima puluh tahun, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengikut mana yang terdahulu.

(4) Walau apa pun peruntukan subseksyen (2) dan (3), jika perkhidmatan pegawai itu ditamatkan oleh pertubuhan atau mana-mana subsidiarinya atau pertubuhan antarabangsa ke dalam mana dia dilantik oleh atau dengan kelulusan Kerajaan atas sebab pengurangan pekerja atau sakit, atau jika kontrak tidak diperbaharui berkenaan dengan pelantikannya dalam pertubuhan antarabangsa itu, dia boleh diberikan pencen, ganjaran atau faedah lain.

### **Sumbangan bulanan kepada Kumpulan Wang Disatukan**

**12B.** Pertubuhan ke dalam mana seseorang pegawai berpencen dilantik oleh atau dengan kelulusan Kerajaan di bawah subseksyen 12A(2) hendaklah membuat sumbangan bulanan kepada Kumpulan Wang Disatukan pada kadar tujuh belas setengah peratus dari gaji bulanan pegawai tersebut bagi setiap pegawai berpencen semasa dia tertakluk kepada terma dan syarat perkhidmatan yang sama seperti yang terdapat dalam Skim Baru.

### **Persaraan demi kepentingan awam**

**13.** Yang di-Pertuan Agong boleh, jika difikirkannya patut, memberikan pencen, ganjaran atau faedah lain kepada seseorang pegawai yang bersara di bawah perenggan 10(5)(d) atau (f), tetapi amaunnya tidak lebih daripada amaun yang pegawai itu sepatutnya layak mendapat jika sekiranya pencen, ganjaran atau faedah lainnya itu dihitung berdasarkan lama yang sebenar perkhidmatannya yang boleh dimasukkan kira.

**Pencen atau ganjaran terbitan jika seseorang pegawai mati dalam perkhidmatan**

14. (1) Jika seseorang pegawai berpencen mati dalam perkhidmatan, Yang di-Pertuan Agong boleh memberikan kepada orang yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan itu pencen terbitan tidak kurang daripada satu per lima daripada gaji yang akhir diterima oleh pegawai yang mati itu dan ganjaran terbitan atau hanya ganjaran terbitan sahaja.

(2) Tertakluk kepada seksyen 16, pencen terbitan yang diberikan di bawah subseksyen (1) hendaklah kena dibayar selama tempoh tidak lebih daripada dua belas setengah tahun dari tarikh yang berikut selepas sahaja tarikh kematian pegawai itu, dan selepas itu penerima itu hendaklah, dengan syarat dia bermastautin di Malaysia, terus menerima tujuh puluh peratus dari amaun yang diberikan itu.

**Pencen terbitan jika seseorang pegawai mati selepas bersara**

15. (1) Tertakluk kepada seksyen 16—

(a) jika seseorang pegawai berpencen mati dalam tempoh dua belas setengah tahun dari tarikh persaraannya dari perkhidmatan awam, Yang di-Pertuan Agong boleh memberikan kepada orang yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan itu pencen terbitan yang amaunnya sama banyak dengan amaun pencen yang telah dibayar kepadanya selama tempoh tidak melebihi perbezaan di antara tempoh dua belas setengah tahun dengan tempoh persaraan pegawai yang mati itu; dan selepas itu pencen terbitan itu hendaklah terus kena dibayar mengikut kadar tujuh puluh peratus dari amaun yang diberikan itu; dan

(b) jika seseorang pegawai berpencen mati selepas tempoh dua belas setengah tahun dari tarikh persaraannya dari perkhidmatan awam, Yang di-Pertuan Agong boleh memberikan kepada orang yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan itu pencen terbitan yang sama banyaknya dengan tujuh puluh peratus dari pencen pegawai itu:

Dengan syarat bahawa apa-apa pemberian pencen terbitan selepas tamatnya tempoh dua belas setengah tahun dari tarikh persaraannya hendaklah dibuat hanya jika penerimanya—

- (i) berkenaan dengan seseorang balu atau duda, telah berkahwin dengan pegawai yang mati itu semasa pegawai itu masih dalam perkhidmatan;
- (ii) berkenaan dengan seseorang anak atau anak tiri tanggungan, adalah seorang anak atau anak tiri tanggungan hasil perkahwinan semasa pegawai itu masih dalam perkhidmatan;
- (iii) berkenaan dengan seseorang anak angkat, adalah seorang anak yang diangkat di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan pengangkatan atau di bawah mana-mana adat atau kelaziman semasa pegawai itu masih dalam perkhidmatan; atau
- (iv) berkenaan dengan seseorang anak tidak sah taraf, adalah seorang anak yang dikandungkan semasa pegawai itu masih dalam perkhidmatan,

dan bermastautin di Malaysia.

(2) Jika seseorang pegawai mati selepas persaraannya tetapi sepanjang tempoh persaraan sebelum kematiannya pencennya telah tidak diberikan atau telah terhenti di bawah seksyen 20 atau 21, maka subseksyen (1) hendaklah terpakai dan bagi maksud ini pegawai itu hendaklah disifatkan sebagai telah menerima pencen itu.

### **Terhentinya pencen terbitan**

**16.** (1) Pencen terbitan atau elaun bersara terbitan yang diberikan di bawah Akta ini hendaklah terhenti jika penerimanya—

- (a) (*Dipotong oleh Akta A1171*);
- (b) seorang anak, selain anak yang cacat otak atau hilang upaya jasmani dan secara kekal dan tidak berupaya menanggung dirinya sendiri atau seorang anak yang disebut dalam perenggan (c), apabila berkahwin atau apabila mencapai umur dua puluh satu tahun, mengikut mana yang lebih dahulu; atau
- (c) seorang anak yang sedang mendapat pendidikan di suatu institusi pelajaran tinggi tetapi tidak melebihi pelajaran yang menuju ke arah ijazah pertama, apabila tamat atau

berhenti mendapat pendidikan itu atau apabila berkahwin, mengikut mana yang lebih dahulu.

### **Terhentinya pencen bagi anak yang telah mencapai umur lapan belas tahun disifatkan sah**

**16A.** (1) Walau apa pun peruntukan seksyen 16, jika sebelum penyiaran Akta ini apa-apa bayaran mengenai pencen terbitan atau faedah lain yang kena dibayar kepada seorang anak telah terhenti setelah anak itu mencapai umur lapan belas tahun, penghentian itu dan apa-apa pembahagian pencen terbitan atau faedah lain kepada mana-mana orang tanggungan lain berikutan dari penghentian itu hendaklah disifatkan telah dilakukan dengan sempurna dan sahnyanya.

(2) Jika subseksyen (1) adalah terpakai, tetapi anak itu layak di bawah Akta ini dibayar pencen terbitan atau faedah lain, anak itu hendaklah, tertakluk kepada seksyen 16, dibayar bahagian pencen terbitan atau faedah lain yang kena dibayar kepadanya mulai dari tersiarnya Akta ini.

### **Pencen hilang upaya**

**17.** (1) Yang di-Pertuan Agong boleh memberikan, sebagai tambahan kepada pembayaran yang dibuat di bawah seksyen 9 atau 24, di mana berkenaan, pencen hilang upaya di bawah peraturan-peraturan itu jika seseorang pegawai, selain seorang pegawai kontrak, adalah dikehendaki bersara akibat dari—

- (a) menanggung bencana semasa melaksanakan dan berbangkit daripada melaksanakan tugas rasminya atau disebabkan oleh kemalangan dalam perjalanan; atau
- (b) mendapat penyakit yang kerana jenis tugasnya itu menyebabkan dirinya terdedah.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), bencana atau penyakit ertinya bencana atau penyakit yang bukan disebabkan oleh, yang tidak menjadi semakin teruk oleh kerana atau yang tidak berpunca dari kecuaiannya atau salah lakunya.

**Pencen tanggungan**

**18.** Yang di-Pertuan Agong boleh memberikan, sebagai tambahan kepada pencen terbitan dan ganjaran terbitan kepada orang tanggungan seseorang pegawai suatu pencen tanggungan yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan itu jika—

- (a) pegawai itu mati dalam hal keadaan di bawah seksyen 17; dan
- (b) kematian itu berlaku dalam tempoh tujuh tahun dari tarikh dia menanggung bencana atau mendapat penyakit itu.

**Pencen, dsb., tidak boleh diserahkan hak**

**19.** Apa-apa pencen, ganjaran atau faedah lain yang diberikan di bawah Akta ini tidak boleh diserahkan hak atau dipindah milik, atau ditahan, diasingkan atau dilevi mengenai sesuatu tuntutan kecuali bagi maksud—

- (a) menjelaskan hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan Persekutuan, atau Kerajaan sesuatu Negeri, atau sesuatu Pihak Berkuasa Berkanun atau Tempatan; atau
- (b) menunaikan perintah daripada Mahkamah supaya dibayar secara berkala sejumlah wang untuk nafkah bagi isteri atau bekas isteri atau anak yang belum dewasa, sama ada sah taraf atau tidak, pegawai yang telah diberikan pencen, ganjaran atau faedah lain itu.

**Pencen, dsb., terhenti apabila bankrap**

**20.** (1) Seseorang pegawai tidak boleh diberikan pencen, ganjaran atau faedah lain jika pada tarikh dia bersara daripada perkhidmatan awam—

- (a) dia dihukum menjadi bankrap atau diisytiharkan sebagai tidak berkemampuan oleh sesuatu Mahkamah, sama ada di Malaysia atau di tempat lain; dan
- (b) dia belum lagi mendapat pelepasan daripada hukuman atau perisytiharan itu.

(2) Sesuatu pencen atau faedah lain yang diberi di bawah Akta ini kepada seseorang yang berikutnya dihukum menjadi

bankrap atau diisytiharkan sebagai tidak berkemampuan oleh sesuatu Mahkamah, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, hendaklah terhenti dengan serta-merta.

(3) Yang di-Pertuan Agong boleh memberikan elaun tanggungan kepada, dan untuk nafkah atau faedah pesara, isteri atau anaknya, jika pencen, ganjaran atau faedah lain tidak diberi di bawah subseksyen (1), atau terhenti di bawah subseksyen (2), dan elaun itu hendaklah sama banyaknya dengan pencen, ganjaran atau faedah lain yang pegawai atau pesara itu sepatutnya berhak mendapat jika sekiranya dia tidak menjadi bankrap atau tidak berkemampuan.

(4) Bagi maksud subseksyen (3), wang yang digunakan bagi menjelaskan hutang pegawai atau pesara itu hendaklah dianggapkan sebagai telah digunakan bagi faedahnya.

(5) Jika seseorang itu mendapat pelepasan daripada kebangkrapan atau tidak berkemampuan, maka pencennya atau faedah lainnya hendaklah diberikan semula kepadanya mulai dari tarikh pelepasan itu.

### **Pencen, dsb., terhenti apabila disabitkan**

**21.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), jika mana-mana orang yang telah diberikan pencen atau faedah lain di bawah Akta ini dikenakan hukuman mati atau penjara selama sesuatu tempoh oleh suatu Mahkamah, maka pencen atau faedah lain itu hendaklah terhenti dengan serta-merta.

(2) Pencen atau faedah lain di bawah subseksyen (1) itu hendaklah diberikan semula dengan kuat kuasa kebelakangan bagi seseorang yang selepas disabitkan mendapat pengampunan.

(3) Jika sesuatu pencen atau faedah lain terhenti di bawah subseksyen (1), Yang di-Pertuan Agong boleh memberikan elaun tanggungan yang banyaknya sama dengan semua atau mana-mana bahagian daripada wang yang pesara itu sepatutnya berhak mendapat sebagai pencen atau faedah lain yang difikirkannya patut kepada isteri atau anak pesara untuk nafkah dan faedah mereka dan, selepas tamat tempoh hukumannya, juga bagi faedah pesara itu sendiri.

**Pencen, dsb., akan terhenti apabila memperoleh kewarganegaraan negara lain**

**21A.** (1) Jika seseorang yang telah diberikan pencen atau faedah lain di bawah Akta ini telah dengan sukarelanya (selain perkahwinan) memperoleh kewarganegaraan, atau telah menggunakan hak kewarganegaraan, atau telah membuat pengisytiharan kesetiaan kepada, mana-mana negara lain selain Malaysia atau telah dilucutkan kewarganegaraan Malaysiannya, pencen atau faedah lain tersebut hendaklah terhenti dengan serta-merta.

(2) Jika pencen atau faedah lain terhenti di bawah subseksyen (1), tiada pencen atau faedah lain boleh diberikan kepada orang tanggungan.

**Pencen maksimum**

**22.** (1) Pencen perkhidmatan yang diberikan kepada seseorang pegawai di bawah Akta ini tidak boleh melebihi setengah daripada gaji yang akhir diterimanya.

(2) Jika seseorang pegawai telah diberikan pencen atau sedang diberikan pencen berkenaan dengan perkhidmatan awam lain, maka dia boleh diberikan pencen penuh yang dia berhak mendapat berkenaan dengan perkhidmatan awamnya, tetapi tiada seorang pun pegawai sedemikian itu boleh mengeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan amaun pencen yang, apabila ditambah kepada amaun pencen yang diterima berkenaan dengan perkhidmatan awam lain, melebihi enam per sepuluh daripada gaji yang akhir diterimanya.

(3) Bagi maksud subseksyen (2), pencen seseorang pegawai berkenaan dengan perkhidmatan awam lainnya ertinya amaun pencen yang dia mungkin dapat jika sekiranya dia memilih tidak hendak dibayarkan pencen gantian tetap dan pencen susutan.

(4) Bagi maksud seksyen ini, apa-apa faedah yang diberikan di bawah seksyen 17 atau 18 tidak boleh diambil kira.

**Pencen serendah-rendahnya bagi perkhidmatan penuh**

**22A.** Berkenaan dengan pencen yang telah dikira berdasarkan perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira selama tidak kurang daripada

dua puluh lima tahun, amaun yang kena dibayar di bawah Akta ini tidak boleh kurang daripada satu ratus lapan puluh ringgit sebulan atau apa-apa amaun sebagaimana ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong dari semasa ke semasa melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

### **Penggantungan pencen**

**23.** (1) Jika seseorang pegawai yang diberikan pencen di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis dilantik semula sebagai seorang pegawai tetap dalam perkhidmatan awam, maka Yang di-Pertuan Agong boleh menggantung pencen itu sepanjang tempoh dia dilantik semula sebagai seorang pegawai tetap.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (1), jika seseorang pegawai telah bersara di bawah subperenggan 11(a)(i) atau 11(b)(i) dan dalam tempoh lima tahun persaraannya itu melibatkan dirinya dalam apa-apa aktiviti yang mungkin bercanggah dengan tujuan dia disarakan, Yang di-Pertuan Agong boleh menggantung pencennya sehingga dia mencapai umur lima puluh enam tahun atau genapnya tempoh bersara selama lima tahun, mengikut mana yang lebih awal.

(2A) Jika seseorang pegawai yang disebut dalam subseksyen (2) yang telah dilantik semula sebelum 1 Oktober 2001 dan telah diberikan opsyen sebelum tarikh itu tidak memilih umur persaraan paksa lima puluh enam tahun, subseksyen (2) hendaklah terpakai baginya dengan menggantikan perkataan 'lima puluh enam' dengan perkataan 'lima puluh lima'.

(3) Berkenaan dengan persaraan di bawah subperenggan 11(b)(i), subseksyen (2) hendaklah terpakai hanya bagi pegawai yang dilantik ke perkhidmatan awam selepas mula berkuat kuasanya subseksyen ini.

### **Pemberian elaun bersara kepada pegawai sementara**

**24.** Apabila seseorang pegawai sementara yang terus berkhidmat di bawah Skim Baru bersara di bawah seksyen 10, 11 atau 12, Yang di-Pertuan Agong boleh memberikan elaun bersara dan ganjaran yang banyaknya sama dengan tiga per empat daripada pencen dan ganjaran yang masing-masingnya lazim kena dibayar kepada



seseorang pegawai berpencen yang bersara di bawah hal keadaan yang sama di bawah Akta ini jika pegawai sementara itu—

- (a) telah berkhidmat terus-menerus dengan Kerajaan Persekutuan atau sesuatu Kerajaan Negeri sebelum daripada 1 Januari 1976 dan sehingga tarikh persaraannya selepas 1 Januari 1976;
- (b) telah genap tempoh selama tidak kurang daripada sepuluh tahun perkhidmatan yang boleh dimasuk kira dengan Kerajaan Persekutuan atau sesuatu Kerajaan Negeri; dan
- (c) telah pada tarikh pelantikannya tidak kena membayar caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau kumpulan wang simpanan lain.

### **Pemberian elaun bersara terbitan kepada pegawai sementara**

#### **25. Tertakluk kepada seksyen 16—**

- (a) jika seseorang pegawai sementara mati dalam perkhidmatan dan sepatutnya menjadi layak mendapat elaun bersara dan ganjaran di bawah seksyen 24 jika sekiranya dia telah bersara pada tarikh kematiannya, Yang di-Pertuan Agong boleh memberikan kepada orang yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan itu—
  - (i) ganjaran terbitan yang banyaknya sama dengan ganjaran pegawai itu; dan
  - (ii) elaun bersara terbitan yang banyaknya sama dengan elaun bersara pegawai itu, selama tempoh tidak lebih daripada dua belas setengah tahun mulai dari tarikh yang berikut selepas sahaja tarikh pegawai itu mati, dan selepas itu, dengan syarat penerima itu bermastautin di Malaysia, tujuh puluh peratus dari elaun yang diberikan itu;
- (b) jika seseorang pegawai sementara yang sedang menerima elaun bersara mati dalam tempoh dua belas setengah tahun dari tarikh persaraannya, elaun bersara terbitan yang sama banyaknya dengan elaun bersara pegawai itu boleh diberikan kepada orang yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan itu selama tempoh tidak melebihi

perbezaan antara tempoh dua belas setengah tahun dengan tempoh persaraan pegawai yang mati itu; dan selepas itu elaun bersara terbitan itu hendaklah terus kena dibayar mengikut kadar tujuh puluh peratus dari amaun yang diberikan itu;

- (c) jika seseorang pegawai sementara yang telah menerima elaun bersara mati selepas tempoh dua belas setengah tahun dari tarikh persaraannya, elaun bersara terbitan yang sama banyaknya dengan tujuh puluh peratus dari elaun bersara pegawai yang mati itu boleh diberikan kepada orang yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan itu:

Dengan syarat bahawa bagi penerima yang disebut dalam perenggan (b) atau (c), apa-apa pemberian elaun bersara terbitan selepas tamatnya tempoh dua belas setengah tahun hendaklah dibuat hanya jika penerimanya—

- (i) berkenaan dengan seseorang balu atau duda telah berkahwin dengan pegawai yang mati itu semasa pegawai itu masih dalam perkhidmatan;
- (ii) berkenaan dengan seseorang anak atau anak tiri tanggungan, adalah seorang anak atau anak tiri tanggungan hasil perkahwinan yang telah berlaku semasa pegawai itu masih dalam perkhidmatan;
- (iii) berkenaan dengan seseorang anak angkat, seorang anak yang diangkat di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pengangkatan atau di bawah mana-mana adat atau kelaziman, semasa pegawai itu masih dalam perkhidmatan; atau
- (iv) berkenaan dengan seseorang anak tidak sah taraf, adalah seorang anak yang dikandungkan semasa pegawai itu masih dalam perkhidmatan,

dan bermastautin di Malaysia.

**Hal keadaan dalam mana orang hendaklah hilang kelayakan dari dibayar pencen atau elaun persaraan terbitan jika bukan bermastautin atau tidak lagi bermastautin di Malaysia**

**25A.** (1) Jika mana-mana orang yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan yang sedang menerima atau tetap selainnya berhak

menerima apa-apa pencen terbitan atau elaun persaraan terbitan, mengikut mana-mana yang berkenaan—

- (a) di bawah subseksyen 14(2) atau subperenggan 25(a)(ii), selepas tamat tempoh tidak melebihi dua belas setengah tahun dari tarikh selepas sahaja tarikh kematian pegawai itu dalam perkhidmatan;
- (b) di bawah perenggan 15(1)(a) atau 25(b), selepas tamat tempoh perbezaannya antara tempoh dua belas setengah tahun dari tarikh persaraan pegawai itu dengan tempoh persaraan pegawai itu di mana pegawai itu mati dalam tempoh dua belas tahun setengah dari tarikh persaraan; atau
- (c) di bawah perenggan 15(1)(b) atau 25(c), apabila matinya pegawai itu semasa dalam persaraan di mana pegawai itu mati selepas tempoh dua belas setengah tahun dari tarikh persaraan,

tidak atau tidak lagi bermastautin di Malaysia, dia tidak boleh dibayar atau berhak dibayar apa-apa pencen terbitan atau elaun persaraan terbitan di bawah mana-mana daripada seksyen yang dinyatakan dalam perenggan (a), (b) atau (c) selepas tamatnya mana-mana tempoh yang tersebut dalam perenggan (a) atau (b) atau apabila berlakunya kejadian yang tersebut dalam perenggan (c); dan dia tidak boleh, sekiranya dia menjadi pemastautin atau meneruskan kemastautinan di Malaysia, dibayar atau berhak dibayar pencen terbitan atau elaun persaraan terbitan itu.

(2) Walau apa pun peruntukan subseksyen (1), Menteri, atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya secara bertulis untuk berbuat demikian, boleh secara am atau secara khusus mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang kerana apa-apa jua sebab sebagaimana dinyatakan dalam pengecualian itu daripada mematuhi kehendak seksyen ini bagi orang atau golongan orang itu supaya bermastautin di Malaysia untuk layak mendapat apa-apa pencen atau faedah lain di bawah Akta ini.

### **Pembayaran tanpa probet atau surat kuasa mentadbir**

**26.** (1) Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, jika seseorang yang kepadanya apa-apa pembayaran boleh dibuat di bawah Akta ini dan peraturan-

peraturan yang dibuat di bawahnya mati sebelum pembayaran dibuat, amaun yang masih belum dibayar itu boleh dibayar kepada orang tanggungannya tanpa probet atau surat kuasa mentadbir.

(2) Jika seseorang pegawai mati dalam perkhidmatan, apa-apa pembayaran tunai yang boleh dibayar sebagai ganti cuti terkumpul yang diberikan di bawah peraturan-peraturan bolehlah dibayar kepada orang tanggungannya tanpa probet atau surat kuasa mentadbir.

(3) Jika apa-apa pembayaran dibuat dengan suci hati di bawah seksyen ini dan menurut peruntukan Akta ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, pembayaran tersebut hendaklah menjadi pelepasan sepenuh dan sepatutnya akan segala liabiliti, dan tiada tindakan, guaman atau prosiding bagi pembayaran tersebut atau yang mempersoalkan tentang pembayaran tersebut boleh dibawa atau diadakan terhadap Kerajaan atau mana-mana pegawai atau pekhidmatnya.

(4) Bagi maksud seksyen ini—

(a) “orang tanggungan” ertinya—

(i) balu kepada si mati;

(ii) duda kepada si mati;

(iii) anak kepada si mati; atau

(iv) ibu kepada pegawai yang mati, atau jika ibunya telah mati, bapa tanggungannya;

(b) “belum dibayar” ertinya belum dibayar oleh Kerajaan atau belum dikeluarkan oleh orang yang berkenaan.

### **Pembayaran hadiah untuk maklumat**

**26A.** (1) Ketua Pengarah boleh memerintahkan pembayaran hadiah sebagaimana dia fikirkan patut kepada mana-mana anggota masyarakat untuk maklumat yang diberikan yang membawa kepada sabitan bagi—

(a) kes penipuan untuk menikmati pencen dan faedah lain yang diberikan di bawah Akta ini; atau

(b) kesalahan di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Apa-apa hadiah yang dibayar di bawah Akta ini hendaklah dipertanggungkan kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

### **Pindaan bagi Jadual**

**27.** Yang di-Pertuan Agong boleh melalui pemberitahuan dalam *Warta* mengisytiharkan mana-mana perkhidmatan menjadi perkhidmatan awam lain dalam Jadual bagi maksud Akta ini.

### **Pemansuhan dan kecualian**

**28.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), Ordinan Pencen 1951 sebagaimana terpakai bagi mereka yang memilih Skim Baru atau yang dilantik di bawah Skim Baru adalah dimansuhkan.

(2) Ordinan Pencen 1951, Ordinan Pencen Sabah 1963, dan Ordinan Pencen Sarawak hendaklah terus terpakai bagi pegawai yang tidak memilih Skim Baru atau yang tidak dilantik di bawah Skim Baru.

---

JADUAL

[Seksyen 2]

Kerajaan Brunei.

Kerajaan Hong Kong.

Kerajaan Singapura.

---

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 227

### AKTA PENCEN 1980

#### SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A495	Akta Pencen (Pindaan) 1980	01-07-1980
Akta A568	Akta Penyelarasan Pencen (Pindaan) 1983	01-07-1980
Akta A625	Akta Pencen (Pindaan) 1985	13-09-1985
Akta A644	Akta Pencen (Pindaan) 1986	16-05-1986 kecuali s. 3, 7, 12: 01-01-1976; s. 9, 11: 01-07- 1980
Akta A793	Akta Pencen (Pindaan) 1991	12-04-1991
Akta A823	Akta Pencen (Pindaan) 1992	17-07-1992 kecuali s. 2: 01-06-1991; s. 3: 01-01-1992; s. 4: 12-04-1991
Akta A1124	Akta Pencen (Pindaan) 2001	01-10-2001
Akta A1171	Akta Pencen (Pindaan) 2002	01-01-2002

---

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 227

### AKTA PENCEN 1980

#### SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa Meminda	Berkuat kuasa dari
1	Akta A644	16-05-1986
2	Akta A495 Akta A568 Akta A625 Akta A644	01-07-1980 01-07-1980 13-09-1985 16-05-1986
6	Akta A495 Akta A625	01-07-1980 13-09-1985
6A	Akta A793 Akta A823 Akta A1124	12-04-1991 01-06-1991 01-10-2001
7	Akta A823	01-01-1992
8	Akta A625 Akta A793	13-09-1985 12-04-1991
9	Akta A495 Akta A625 Akta A644	01-07-1980 13-09-1985 16-05-1986
10	Akta A644 Akta A793 Akta A1124	16-05-1986 12-04-1991 01-01-2001
11	Akta A644	01-01-1976
12	Akta A793 Akta A823 Akta A1124	12-04-1991 12-04-1991 01-10-2001

Seksyen	Kuasa Meminda	Berkuat kuasa dari
12A	Akta A495 Akta A625 Akta A644 Akta A1124	01-07-1980 13-09-1985 16-05-1986 01-10-2001
12B	Akta A625	13-09-1985
13	Akta A793	12-04-1991
14	Akta A495	01-07-1990
15	Akta A495 Akta A644	01-07-1980 01-07-1980
16	Akta A495 Akta A1171	01-07-1980 01-01-2002
16A	Akta A495	01-07-1980
21A	Akta A644	16-05-1986
22A	Akta A495	01-07-1980
23	Akta A793 Akta A1124	12-04-1991 01-10-2001
25	Akta A495 Akta A644	01-07-1980 01-07-1980
25A	Akta A568	01-07-1980
26	Akta A644	01-01-1976
26A	Akta A644	16-05-1986